


# Penyu karah mati tak sempat bertelur

ST.22/6/2021 Ms: 29



Seekor penyu karah ditemui mati di pesisiran Pantai Tanjung Bidara, Alor Gajah pada Ahad.

**ALOR GAJAH** - Seekor penyu karah seberat 40 kilogram tidak sempat bertelur apabila ditemui mati dengan kesan luka pada leher dipercayai terbelit rawai nelayan di pesisiran Pantai Tanjung Bidara di sini.

Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Solehon berkata, sepasukan pegawai tiba di lokasi kejadian selepas menerima aduan orang ramai.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapat penyu berkenaan dipercayai mati di laut akibat terkena rawai.

"Penyu itu sebelum ini pernah bertelur di pantai Melaka berdasarkan tag yang ditandakan pada badan haiwan berkenaan. Disebabkan terkena rawai ini, penyu itu tidak dapat mendarat un-

tuk bertelur di pantai negeri ini sekali lagi.

'Lebih menyedihkan ini adalah keskesembilan penyu diitemui mati di pesisiran pantai di negeri ini dipercayai terkena peralatan nelayan yang dilarang seperti rawai, tagan atau pekap sepanjang tahun ini,' katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Fauzi berkata, tindakan akan diambil mengikut Akta Perikanan 1985 sekitaranya masih terdapat nelayan menggunakan peralatan yang dilarang ketika menangkap ikan.

'Apabila nelayan menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan, ia boleh menyebabkan penyu tersangkut dan termakan mata kail," katanya.